

17 JUN 2000

Mahathir-Putrajaya

MAHATHIR LANCAR SAMBUTAN ULANGTAHUN PERPINDAHAN JPM KE PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 17 Jun (Bernama) -- Putrajaya, ibu kota pentadbiran negara yang baru, mencerminkan betapa Malaysia telah berjaya dibangunkan selepas melalui zaman penjajahan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya tidak seperti bangunan yang dibina pada zaman sebelum merdeka dengan senibina kolonial, Putrajaya mempunyai identiti unik termasuk unsur pembinaan Islam yang patut menjadi kebanggaan seluruh rakyat.

"Saya percaya penduduk dan pelawat ke Malaysia akan mengenali Putrajaya...inilah identiti Malaysia yang kita harap akan terus dapat dimajukan," katanya ketika melancarkan sambutan ulangtahun pertama perpindahan Jabatan Perdana Menteri (JPM) ke Putrajaya, di sini.

Dr Mahathir juga berpuashati dengan bandar baru itu yang dibina dalam tempoh yang begitu singkat.

Sementara itu, dalam buku cenderamata sempena sambutan berkenaan, Dr Mahathir berkata perpindahan itu membuka satu paradigma baru dalam lembaran perkhidmatan awam Malaysia.

Beliau berkata ini akan menjurus kepada pentadbiran awam yang modern, cekap, berkualiti dan berdaya saing dengan penggunaan teknologi maklumat (IT) di setiap peringkat.

Perdana Menteri berkata: "Segala usaha untuk memakmurkan negara memerlukan pengorbanan dan pengemblengan tenaga secara menyeluruh daripada semua lapisan pegawai dan kakitangan kerajaan."

Dr Mahathir berharap sambutan ulangtahun itu akan menjadi acara tahunan.

Pada majlis itu, beliau menyampaikan hadiah kepada para pemenang pelbagai kategori acara Larian Putrajaya 2000, dan melawat gerai-gerai menjual pelbagai barangan dan makanan.

Acara lain yang turut diadakan ialah pertandingan memancing, berkayak serta melukis dan mewarna untuk kanak-kanak.

Putrajaya ialah satu daripada dua bandar pintar terletak dalam kawasan Koridor Raya Multimedia seluas 750 km persegi yang menjadi penggerak kepada hasrat Malaysia untuk muncul sebagai negara IT yang unggul.

-- BERNAMA

MAM ZS RON